

# MALAYSIAN JOURNAL FOR ISLAMIC STUDIES

# **MJIS**

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

## **PERSAMAAN ANTARA AJARAN BIBLE DAN AJARAN AL-QURAN: ANALISIS TEKSTUAL TERHADAP BEBERAPA ISU**

### **[COMMON TEACHINGS IN THE BIBLE AND QURAN: A TEXTUAL ANALYSIS OF SEVERAL ISSUES]**

**ZAIFUDDIN MD RASIP<sup>1</sup> & ANIS MALIK TOHA<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: zaifuddin@ums.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali Simpang 347,  
Jalan Pasar Gadong Gadong BE1310 Negara Brunei Darussalam  
Email: malik.toha@unissa.edu.bn

\*Corresponding Author: zaifuddin@ums.edu.my

Received Date: 19 May 2024 • Accepted Date: 6 June 2024 • Publish Date: 30 June 2024

#### **Abstrak**

Ajaran Jesus dan ajaran Nabi Muhammad saw berasal daripada sumber yang sama iaitu Allah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa. Mereka merupakan antara rasul yang telah Allah mengutuskan ke muka bumi ini. Justeru itu, terdapat banyak persamaan antara ajaran kedua-dua rasul ini seperti yang termaktub di dalam Bible dan Al-Quran. Kajian ini meneliti dan menganalisis persamaan-persamaan yang terdapat dalam ajaran Jesus seperti yang tercatat dalam Bible dan ajaran Nabi Muhammad saw seperti yang terdapat dalam al-Quran, dalam bidang akidah dan hukum hakam. Fokus kajian ini ialah melakukan analisis tekstual terhadap beberapa isu utama. Metodologi yang digunakan melibatkan analisis komparatif terhadap teks-teks kitab suci daripada kedua-dua agama iaitu Bible dan al-Quran, dengan menggunakan pendekatan hermeneutika untuk mengenal pasti dan membandingkan tema-tema utama serta persamaan substantif dalam kedua-dua ajaran ini. Hasil kajian ini mendedahkan keselarasan dalam bidang akidah, iaitu setiap rasul utusan Allah membawa akidah tauhid dan hukum hakam yang perlu diikuti dalam ajaran kedua-dua kitab suci, memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang titik-titik persamaan dalam ajaran Jesus dan ajaran Nabi Muhammad saw. Kajian ini diharapkan dapat memberikan penjelasan yang lebih mendalam mengenai keselarasan yang ada antara ajaran Jesus dengan ajaran nabi Muhammad seterusnya memperkuatkannya lagi dialog antara agama dengan menekankan persamaan-persamaan asas yang ditemui.

**Keywords:** Al-Quran, Ajaran Jesus, Bible, Dialog Antara Agama, Kristian

## Abstract

The teachings of Jesus and those of Prophet Muhammad pbuh originate from the same source, which is Allah, the All-Knowing and All-Powerful. Both of them are among the messengers whom Allah has sent to this world. As such, there are numerous similarities between the teachings of these two messengers, as enshrined in the Bible and the Quran. This study examines and analyzes the similarities found in the teachings of Jesus, as recorded in the Bible, and the teachings of Prophet Muhammad (peace be upon him), as revealed in the Quran, particularly in the areas of creed and jurisprudence. The focus of this research is to conduct a textual analysis of several key issues. The methodology employed involves a comparative analysis of the sacred texts from both religions, namely the Bible and the Quran, using a hermeneutical approach to identify and compare the main themes and substantive similarities in these two teachings. The findings of this study reveal a harmony in the area of creed, showing that every messenger sent by Allah brought the message of monotheism and the laws that must be followed, as outlined in the sacred texts of both religions. This deeper understanding of the commonalities between the teachings of Jesus and Prophet Muhammad pbuh aims to provide a more profound explanation of the alignment between the two, further strengthening interfaith dialogue by highlighting the fundamental similarities discovered.

**Kata Kunci:** The Quran, Teachings of Jesus, Bible, Interfaith Dialogue, Christianity

**Cite as:** Zaifuddin Md Rasip & Anis Malik Toha. 2024. Persamaan Antara Ajaran Bible Dan Ajaran Al-Quran: Analisis Tekstual Terhadap Beberapa Isu [Common Teachings In The Bible And Quran: A Textual Analysis Of Several Issues]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 8(1): 128-148.

## PENGENALAN

Ajaran Jesus dan nabi Muhammad saw merupakan ajaran wahyu, yang datang dari sumber yang sama, Tuhan yang Maha Esa. Al-Mubārakfrūi (1994) dan as-Syāmi (1984) menyebut kisah raja Najashi dari Habsyah, yang telah menjelaskan kepada umat Islam apabila berhijrah kali pertama ke Habsyah bahawa “ajaran Islam dan ajaran Jesus datang dari sumber mata air yang sama,” sambil baginda melakarkan satu garisan lurus. Garisan yang dilakarkan ini menggambarkan bahagian yang memisahkan dua zaman, iaitu zaman Jesus dan zaman nabi Muhammad, tetapi mereka berdua diutuskan oleh Tuhan yang sama. Justeru itu, terdapat banyak persamaan antara ajaran Jesus dan nabi Muhammad saw, seperti yang termaktub dalam Bible dan al-Quran.

Bible terbahagi kepada dua bahagian iaitu Perjanjian Baru (PL) atau *Old Testament* (OT) dan Perjanjian Baru (PB) atau *New Testament* (NT). PL adalah terdiri daripada Taurat, Navi’im dan Khetuvim. Manakala PB adalah terdiri daripada Gospel (Injil), Acts (Kisah Para Rasul), Surat-surat tulisan Paulus dan Kitab Wahyu (Revelation). Terdapat empat Injil yang diterima oleh penganut agama Kristian dalam *The Council of Nicaea* pada tahun 325M, iaitu Matthew, Mark, Luke dan John (Wilson, 1984). Menurut Warne (1995), Mark ditulis pada tahun 66-70 Masihi. Matthew dan Luke ditulis sekitar tahun 85-90 Masihi. Manakala John pula menulis ditulis sekitar tahun 90-110 Masihi. Walaupun kesemua PL ditulis dalam bahasa Hebrew tetapi PB ditulis dalam bahasa Greek yang merupakan *lingua franca* ketika itu, di

Mediteranian Timur mulai dari masa penaklukan Alexander The Great (335–323 SM) sehingga sampai penguasaan bangsa Greek Bizantium sehingga 600M.

Manakala al-Quran merupakan kitab wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad saw dengan menggunakan lafadz bahasa Arab melalui perantaraan malaikat Jibrail, disampaikan kepada orang ramai dengan jalan *mutawātir* dan ditulis dalam mashaf, dimulai dengan surah al-Fatiyah serta diakhiri dengan surah an-Nas, diturunkan secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad saw selama hampir 23 tahun dan membacanya termasuk ibadah (al-Qattan, 1995). Penulisan al-Quran telah melalui tiga peringkat dan tiga zaman yang berbeza. Pada zaman Rasulullah saw sehingga wafatnya baginda, al-Quran belum lagi terhimpun dalam sebuah mashaf. Pada peringkat ini penyandaran kepada hafalan Rasulullah saw dan para sahabat lebih banyak berbanding penyandaran kepada tulisan (Zaifuddin, 2022). Ramai para sahabat yang menghafal ayat-ayat al-Quran antaranya ialah Uthman ibn Affan, Ali bin Abu Talib, Ubai bin Kaab, Zaid bin Thabit, Abdullh Ibn Masud, Abu Darda dan Abu Musa al-Ayshari. Walaupun al-Quran telah ditulis di zaman Rasulullah saw, tetapi ia tidak ditulis secara teratur mengikut susunan surah dalam bentuk mashaf seperti yang ada sekarang (as-Sayūti, 1343H).

Abu Bakar as-Siddiq merupakan orang yang pertama memerintahkan agar al-Quran dikumpulkan dan dibukukan. Zaid Bin Thabit telah dilantik untuk menggalas tanggungjawab ini. Zaid telah menyusun al-Quran menjadi satu mashaf yang teratur dan berurutan surah demi surah bermula dari surah al-Fatiyah hingga surah an-Nas mengikut susunan yang diaturkan oleh Rasulullah saw kepada para sahabat. Penulisan al-Quran pada peringkat ketiga berlaku di zaman khalifah Uthman Ibn al-Affan ra, pada tahun 25 Hijrah. Sebab utama penulisan al-Quran pada peringkat ini ialah kerana terdapat perbezaan dialek dalam bacaan al-Quran di kalangan umat Islam yang dikhawatirkkan akan menjadi fitnah. Maka khalifah Uthman ra memerintahkan Zaid bin Thabit sekali lagi untuk membukukan al-Quran mengikut qiraat yang *mutawātir*. Al-Quran yang telah dibukukan dalam enam naskhah lalu dihantar ke Mekah, Kufah, Basrah, Damsyik, satu lagi naskhah disimpan di Madinah dan khalifah Uthman sendiri menyimpan satu naskhah. Tugas ini telah disempurnakan oleh khalifah Uthman pada tahun 25 Hijrah (Sālih, 1967).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif bagi proses pengumpulan dan huriaian maklumat iaitu dengan melakukan kajian kepustakaan, analisis tekstual dan kajian komparatif yang dijalankan ke atas dua sumber utama iaitu teks Bible dan teks al-Quran. Kaedah analisis dokumen dan kajian komparatif ini turut digunakan dan diimplementasikan ke atas artikel-artikel jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Analisis makalah ini hanya bertumpu kepada titik-titik persamaan yang terdapat di dalam Bible dan al-Quran.

## TITIK PERSAMAAN ANTARA BIBLE DAN AL-QURAN

Berikut ini merupakan titik persamaan antara ajaran Jesus dengan ajaran nabi Muhammad saw seperti yang termaktub dalam Bible dan al-Quran:

## PENGHARAMAN DAGING BABI

### Pengharaman Babi Dalam Bible

Antara sifat penting agama wahyu adalah, syariat tentang hukum halal dan haram yang perlu dipatuhi oleh penganutnya. Pengharaman daging babi jelas ada tertera dalam Bible (Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan, 2023).

Jangan makan babi. Binatang itu adalah haram, kerana walaupun kukunya terbelah, ia tidak memamah biak. Dagingnya tak boleh dimakan dan bangkainya pun tidak boleh disentuh kerana binatang itu haram. (PL, Leviticus 11:7-8, Lihat juga PL, Deutronomy 14:8)

Menurut Moskala (2011), pengharaman babi secara jelas dinyatakan dalam Leviticus 11:7 dan Deutronomy 14:8. Bukan sahaja dagingnya haram untuk dimakan, bahkan bangkainya juga tidak boleh disentuh. Menurut Ruane (2015), daging babi bukan sahaja najis menurut PL, bahkan ia dianggap sebagai menjijikkan dan mengerikan.

### Pengharaman Babi Dalam al-Quran

Pengharaman babi adalah sangat jelas ditegaskan oleh Allah swt dalam al-Quran;

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لَغْيَرُ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ عَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِنْ شَاءَ اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (disembelih) dengan nama selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha lagi Maha Penyayang. (Surah Al-Baqarah 2:173. Lihat juga al-An'am 6:145, Maidah 5:3)

Menurut ayat ini daging babi jelas haram hukumnya kepada umat Islam. Namun demikian sekiranya seseorang dalam keadaan kelaparan yang boleh membawa maut dan tiada makanan lain selain daging babi, maka ketika itu dihalalkan untuk memakannya sekadar yang diperlukan untuk meneruskan kehidupannya sahaja (Khin & Bugha, 1996).

Walaupun al-Quran menyebutkan daging secara khusus, kerana itulah bahagian yang terbanyak dalam tubuh, namun bahagian-bahagian lain seperti kulit, tulang dan bulu hukumnya juga haram mengikut hukum pengharaman daging itu (as-Sayuti, t.t.). Telah ijma' umat Islam tentang pengharaman segala bahagian daripada babi sama ada daging lemak, darah dan sebagainya. Oleh itu terdapat persamaan yang sangat nyata antara kedua-dua kitab ini tentang pengharaman babi.

## PENGHARAMAN ARAK

### Pengharaman Arak Dalam Bible

Meminum arak banyak mendatangkan kemudaratana kepada peminum dan juga masyarakat. Di Malaysia, pada tahun 2020, kematian yang disebabkan oleh pemandu mabuk meningkat, seterusnya menyebabkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda iaitu pertambahan tempoh hukuman penjara dan amaun denda bagi seseorang yang memandu di bawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kematian (Saranya A/P Ganesan, 2024). Menurut Bible arak adalah minuman yang najis yang perlu dijauhi. Perkara ditegaskan dalam Bible sama ada di dalam PL mahupun PB, antaranya;

Tuhan berkata kepada nabi Harun, "Sehabis minum arak atau minuman keras, kamu dan anak-anakmu tidak boleh masuk ke dalam khemahKu. Kalau kamu melanggar peraturan itu, kamu akan mati. Perintah itu mesti ditaati oleh semua keturunanmu". (PL, Leviticus 10:8-11).

Tuhan telah mengharamkan meminum arak ke atas Bani Israel, bahkan Tuhan menganggap arak sebagai najis;

Sebab itu jagalah dirimu baik-baik. Jangan minum arak atau minuman keras, atau makan sesuatu yang haram. (PL, Judges 13:4)

Larangan meminum arak dalam ayat ini adalah amat jelas sekali, bahkan ia digandingkan dengan larangan memakan sesuatu yang diharamkan. Ini bererti, ayat tersebut berkaitan tentang hukum halal dan haram dalam minuman dan makanan. Arak secara jelas termasuk antara minuman yang diharamkan oleh Bible (Lihat juga PL, Judges 13:13-14, Numbers 6:1-8, Jeremiah 35:5-8, Jeremiah 35:14, Isaiah 5:10-14, Proverbs 20:1-3, Proverbs 23:20-21, Proverbs 31:4-6, Daniel 1:5-8). Ada beberapa ayat lagi di dalam PL yang memberi isyarat larangan arak dan kutukan Tuhan kepada peminum arak (Lihat PL, Micah 2:9-11, PL, 1 Samuel 1:13-16, PL, Isaiah 24:8-10). Pengharaman arak bukan sahaja terdapat di dalam PL bahkan dalam PB;

Yahya akan menjadi orang besar menurut perintah Tuhan dan ia tidak akan minum semua jenis arak atau minuman keras. (PB, Luke 1:14-16)

Ayat ini menjelaskan bahawa nabi Yahya tidak minum semua jenis arak daripada kecil sehingga dewasa kerana taat kepada perintah Tuhan (PB, Ephesians 5:16-18, Lihat juga PB, Titus 2:3-5, PB, 1 Corinthians 6:9). Para ahli agama menjadi contoh kepada masyarakat, justeru tidak sepatutnya mereka memberikan contoh yang buruk kepada masyarakat dengan ketagihan arak. (PB, 1 Timothy 3:8). Kesemua ayat-ayat ini secara terang dan jelas menyatakan tentang pengharaman arak dalam Bible.

## Pengharaman Arak dalam Al-Quran

Pengharaman arak amat jelas ditegaskan dalam al-Quran. Walaupun al-Quran tidak menafikan adanya kebaikan pada arak (surah al-Baqarah 2:219), namun al-Quran menegaskan mudaratnya lebih banyak daripada kebaikannya (as-Sayuti, t.t.). Lantaran itu Islam mengharamkan arak dan segala minuman yang memabukkan (Az-Zuhaili, 1989), berdasarkan firman Allah swt;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) najis (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu mendapat kejayaan. (Surah al-Maidah 5:90)

Justeru itu setiap yang memabukkan adalah arak dan hukumnya haram (al-Qardawi (1980). Sabda Rasulullah saw:

كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ

Terjemahannya: Semua yang memabukkan adalah haram. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Semua minuman yang memabukkan walau apa pun namanya, sama ada banyak atau pun sedikit, hukumnya adalah haram (as-Son'ani, t.t.). Menurut ijma' ulama, pengharaman arak kerana ia memabukkan (az-Zuhaili, 1989). Justeru pengharaman tersebut mestilah sama halnya ke atas semua minuman yang memabukkan tanpa membezakan asal usul dan panggilan namanya. Selagi ia memabukkan ia adalah arak dan hukumnya haram.

## PENGHARAMAN BANGKAI

### Pengharaman Bangkai dalam Bible

Bible bukan sahaja mengharamkan bangkai, bahkan menyentuh bangkai juga dilarang kerana ia menajiskan (Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan, 2023). Bible secara jelas menyatakan pengharaman bangkai;

Apabila binatang yang halal dimakan mati dengan sendiri, maka sesiapa yang menyentuhnya akan menjadi najis sehingga terbenam matahari. Barang siapa yang memakan mana-mana bahagian binatang (bangkai) tersebut, hendaklah dia membasuh pakaianya, tetapi dia tetap najis sehingga terbenam matahari. Barang siapa yang membawa bangkai itu hendaklah dia mesti membasuh pakaianya dan dia sendiri tetap menjadi najis sehingga terbenam matahari. (PL, Leviticus 11:39-40)

Sesiapa yang membawa atau memakan bangkai, hendaklah membasuh pakaianya sebab pakaianya juga telah menjadi najis (PL, Leviticus 22:8-9), bahkan dirinya juga menjadi najis sehingga terbenam matahari. Menurut Moskala, (2011) Jesus tidak makan makanan yang tidak bersih atau najis. Perkara ini termaktub dalam PB Matthew 5:17-20 dan 15:16-20. Moskala juga menegaskan orang-orang yang mengikuti Jesus dan menyintainya semestinya meninggalkan makanan yang najis ini.

### **Pengharaman Bangkai dalam Al-Quran**

Haiwan yang mati tanpa disembelih mengikut syariat Islam atau anggota tubuh yang berdaging yang terpisah daripada binatang semasa hidupnya adalah bangkai. Sabda Rasulullah saw;

مَا قُطِّعَ مِنَ الْبَقِيمَةِ وَهِيَ حَيَّةٌ فَمَا قُطِّعَ مِنْهَا فَهُوَ مَيْتَةٌ

Terjemahannya: Semua (bahagian daging) yang dipotong dari haiwan dalam keadaan masih hidup adalah dikira bangkai, maka dengan demikian hukumnya sama dengan hukum bangkai. (Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Al-Quran yang secara jelas telah mengharamkan bangkai. Firman Allah swt;

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخُزُيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمَنْجُونَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمَنَّارَدَيَّةُ وَالظَّلِيقَةُ  
وَمَا أَكَلَ السَّبَّاغُ إِلَّا مَا دَكَّيْتُمْ وَمَا دُبِّحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ شَنَقْسِمُوا بِالْأَرْلَامْ

Terjemahannya: Diharamkan ke atas kamu semua (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya, dan (diharamkan ke atas kamu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (perbuatan mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. (Surah al-Maidah 5:3)

Ayat ini menjelaskan binatang yang disembelih bukan kerana Allah, mati dengan sendirinya atau mati tanpa disembelih adalah bangkai dan ia haram dimakan (al-Qardāwi, 1980). Kajian dilakukan oleh Bintoro VP. et.al. (2006) mendapati kandungan mikrob yang terdapat pada bangkai jauh lebih tinggi berbanding dengan ayam yang mati kerana disembelih. Ini kerana darah pada bangkai dalam tubuh haiwan tersebut menjadi media yang baik bagi pertumbuhan bakteria pembusukan yang boleh membawa mudarat kepada kesihatan manusia (Bintoro VP. et. al., 2006). Ia merupakan salah satu hikmah pengharaman bangkai.

### **Bangkai yang Tidak Najis**

Ada beberapa jenis binatang, menurut syariat Islam, tetap boleh dimakan walaupun mati dalam keadaan tidak disembelih, contohnya binatang sungai dan laut seperti ikan, sotong, ketam dan seumpamanya (Khin & Bugha, 1996). Firman Allah swt;

أَجَلَ لَكُمْ صِيدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَّاعًا لَكُمْ

Terjemahannya: Dihalalkan untuk kamu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu. (Surah Al-Maidah 5:96).

Menurut ayat ini semua binatang laut adalah halal dimakan walaupun sudah mati (as-*Šābūnī*, t.t.). Demikian juga belalang halal untuk dimakan bangkainya (as-Son'āni t.t.). Sabda Rasulullah saw;

أَحَلَتْ لَكُمْ مَيْتَانٍ وَدَمَانٍ فَإِنَّمَا الْمَيْتَانَ فَالْحُوْنُ وَالْجَرَادُ وَأَمَّا الدَّمَانُ فَالْكِبِدُ وَالظَّاهَانُ

Terjemahannya: Dihalalkan untuk kamu dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Ada pun dua jenis bangkai tersebut adalah ikan dan belalang. Manakala dua jenis darah tersebut adalah hati dan limpa. (Riwayat Ibnu Majah).

Hadith ini menjelaskan bahawa belalang hukumnya halal untuk dimakan (as-*Šābūnī*, t.t.), bahkan Nabi saw dan para sahabat juga pernah memakan belalang (al-Asqalāni, 2009). Semua dalil ini jelas menunjukkan Bible dan al-Quran sepakat tentang pengharaman bangkai.

## KEWAJIBAN BERKHATAN

### Kewajiban Berkhatan dalam Bible

Khatan ialah amalan memotong *prepuce* iaitu kulit yang menutupi kepala zakar bagi lelaki. Berkhatan merupakan pembedahan yang paling biasa di dunia (Lacob, 2022). Kira-kira 38% lelaki berkhatan di seluruh dunia (Gologram, Margolin & Christine, 2022). Tuhan telah memerintahkan nabi Ibrahim dan anak keturunannya untuk berkhatan;

Tuhan berkata lagi kepada Ibrahim, “Kamu pun mesti setia kepada perjanjian dengan Aku ini, baik kamu mahupun keturunanmu turun-temurun di masa akan datang. Kamu dan semua keturunanmu yang lelaki mesti dikhatakan. Bermula daripada sekarang kamu mesti mengkhatakan setiap bayi lelaki yang berumur lapan hari, termasuk para hamba yang lahir di rumahmu atau yang kau beli. Khatan itu akan menjadi tanda dari perjanjian antara Aku dan kamu. (PL, Genesis 17:9-12)

Inilah perjanjian antara Tuhan dengan nabi Ibrahim as. Tuhan telah mewajibkan kepada nabi Ibrahim as serta anak keturunannya yang lelaki untuk berkhatan. Ini bererti bahawa khatan merupakan salah satu peraturan yang telah Tuhan tetapkan dalam Bible (Anwar, Munawar & Qashif, 2010). Kewajipan hukum berkhatan secara fizikal berterusan sehingga hari kiamat;

Setiap orang lelaki mesti dikhatakan dan itu akan menjadi tanda lahiriah yang menunjukkan bahawa perjanjian-Ku dengan kamu itu kekal hingga hari kiamat.

Setiap lelaki yang tidak dikhatakan tidak lagi dianggap sebagai umat-Ku kerana dia tidak berpegang pada perjanjian itu. (PL, Genesis 17:13-14)

Walaupun syariat khatan diperintahkan oleh Tuhan kepada umat nabi Ibrahim as, ketika baginda telah berumur sembilan puluh sembilan tahun (PL, Genesis 17:23-27), namun baginda sendiri tetap berkhatan walaupun umurnya sudah lanjut. Ini menunjukkan betapa taatnya nabi Ibrahim as kepada perintah Tuhannya. Ia juga menggambarkan betapa penting syariat khatan dalam kehidupan anak keturunan nabi Ibrahim.

### **Jesus Berkhatan**

Menurut Philips (1957), Jesus telah dikhatakan secara fizikal pada hari kelapan selepas kelahirannya seperti yang telah ditegaskan dalam kitab Bible;

Setelah berumur lapan hari, anak itu dikhatakan. Dan mereka menamakannya Jesus, nama yang telah diberikan oleh malaikat kepadanya sebelum dia dikandung oleh ibunya. (PB, Luke 2:21).

Berdasarkan kepada ayat ini Jesus telah dikhatakan pada hari yang kelapan mengikut hukum Taurat. Küng (1992) menjelaskan ayat ini menunjukkan bahawa keluarga Jesus patuh dan mengikuti ajaran Taurat.

### **Pandangan Islam Terhadap Khatan**

Nabi Ibrahim as telah pun melaksanakan perintah berkhatan dengan sempurna dan Allah swt menjadikan kewajipan berkhatan sebagai ikutan manusia di seluruh alam. Firman Allah swt;

وَإِذْ أَبْتَلَى إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَاماً قَالَ وَمِنْ ذُرَيْتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ

Terjemahannya: Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhan dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu imam kepada seluruh manusia”. Ibrahim berkata: “(Dan saya mohon juga) dari keturunku”. Allah berfirman: “Janji-Ku (ini) tidak mengenai orang-orang yang zalim”. (al-Baqarah 2:124)

Allah memerintahkan nabi Muhammad saw dan umatnya untuk mengikuti syariat nabi Ibrahim as termasuklah syariat berkhatan. Firman Allah swt;

فُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيمًا مُلْهَةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Terjemahannya: Katakanlah, “Sesungguhnya aku telah ditunjukkan oleh Tuhan ke jalan yang lurus (iaitu) agama yang benar, agama Ibrahim yang lurus, dan Ibrahim itu bukanlah termasuk orang-orang yang musyrik”. (Surah al-An'am 6:161)

Hukum berkhatan dalam syariat nabi Ibrahim as adalah wajib, maka wajib ke atas umat Islam untuk berkhatan. Nabi Muhammad telah menegaskan kewajipan berkhatan yang selari dengan ajaran nabi Ibrahim as.

خَمْسٌ مِّنَ الْفُطْرَةِ: الْخَيْانُ، وَالإِسْتِحْدَادُ، وَنَعْثُقُ الْإِبْطَ، وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ، وَقَصُّ الشَّارِبِ

Terjemahannya: Lima perkara daripada fitrah ialah berkhatan, mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan menggunting misai.  
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Rasulullah saw menjelaskan lima fitrah yang perlu diambil berat oleh umat Islam antaranya ialah kewajipan berkhatan. Dari sudut kesihatan pula, berkhatan banyak manfaatnya (Pintye, & Baeten, 2019), antaranya dapat mengurangkan risiko penyakit *Balanitis* iaitu keradangan kulit yang menutupi kepala zakar, menyelesaikan masalah *Phimosis* (lubang pembukaan kulit kulup terlalu kecil), mengurangkan Risiko STD (*Sexually Transmitted Diseases*), mengurangkan risiko jangkitan HIV sehingga 60% (Rennie, Muula, & Westreich, 2007), Mengurangkan risiko kanser zakar (Penile), mengurangkan risiko jangkitan saluran kencing, Mengurangkan risiko kanser prostat.

## **AMALAN BERSUJUD**

### **Amalan Bersujud dalam Bible**

Amalan bersujud dengan meletakkan dahi ke tanah ketika menyembah Tuhan telah dilakukan oleh para rasul yang terdahulu sebelum kedatangan Jesus. Nabi Ibrahim merupakan bapa kepada tiga agama dunia iaitu Yahudi, Kristian dan Islam juga telah bersujud kepada Tuhannya;

Lalu sujudlah Abram dengan wajahnya mencecah tanah dan Allah berfirman kepadanya, “Dari pihak-Ku, inilah perjanjian Aku dengan kamu: Kamu akan menjadi bapa sejumlah besar bangsa. Kerana itu namamu bukan lagi Abram, melainkan Abraham (Ibrahim), kerana kamu telah Kutetapkan menjadi bapa sejumlah besar bangsa. (PL, Genesis 17:3-5)

Ayat ini menunjukkan nabi Ibrahim as bersujud dengan dahinya menyentuh ke tanah. Begitulah juga nabi-nabi lain seperti nabi Musa, nabi Haron (PL, Exodus 34:8-9, PL, Deuteronomy 9:24-24, PL, Numbers 16:20-22, PL, Numbers 20:6.), nabi Daud (PL, Psalms 5:7, PL, Psalms 138:2), nabi Yusak (PL, Joshua 5:14, PL, Joshua 7:6-7), nabi Ayub (PL, Job 1:20-21), nabi Ezekiel (PL, Ezekiel 44:4), nabi Daniel (PL, Daniel 6:10) dan nabi-nabi dari Bani Israel (PL, 2 Chronicles 7:3). Bahkan menurut Küng (1992) Jesus sendiri sujud menyembah Tuhannya kerana Jesus membesar dalam didikan agama Yahudi dan mengamalkan ajaran agama Yahudi. Perkara ini ada dijelaskan dalam Bible;

Kemudian Jesus maju ke hadapan sedikit, lalu dia sujud ke tanah dan berdoa. “Bapa,” katanya, “kalau boleh, jauhkanlah daripadaku penderitaan yang aku

harus alami ini. Tetapi bukan menurut kemahuanku, sebaliknya menurut kemahuan-Mu.” (PB, Matthew 26:39)

Menurut Sumbayak et.al. (2022), ayat secara jelas menyatakan posisi Jesus sujud dengan dahi menyentuh tanah. Posisi sujud seperti ini adalah sama seperti sujudnya umat Islam ketika bersembahyang.

### **Sujud Dalam Al-Quran**

Sujud merupakan salah satu rukun di dalam sembahyang dalam agama Islam yang diperintahkan oleh Allah melalui al-Quran. Firman Allah swt;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكُعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعُلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah dan sujudlah kamu serta sembahlah Tuhanmu dan berbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan. (Surah al-Haj 22: 77)

- a. Al-Quran juga menjelaskan para rasul bermula dari nabi Adam (Surah Maryam 19:58), nabi Ibrahim (Surah Al-Haj 22:26), nabi Ismail (Surah Al-Baqarah 2:125), Bani Israel (Surah Ali Imran 3:113) dan nabi Muhammad serta umatnya diperintahkan bersujud kepada Allah.

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحْمَاءُ بَنِيهِمْ شَرَّاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَتَّقِعُونَ فَضْلًا مِنْ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سَيِّمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَئْرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثُلُّهُمْ فِي التَّورَةِ وَمَثُلُّهُمْ فِي الْإِنجِيلِ

Terjemahannya; Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia bersifat tegas terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurniaan Allah dan keredhaan-Nya, tanda-tanda keimanan mereka terpancar pada muka mereka dari kesan sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil (Surah Fath 48:29)

Semua dail-dalil ini menunjukkan persamaan antara ajaran Bible dan al-Quran di mana kedua-duanya memerintahkan penganutnya untuk sujud menyembah Tuhan. Jesus dan nabi Muhammad saw bersujud menyembah Allah swt di dalam sembahyang mereka.

## AKIDAH TAUHID

### Akidah Tauhid dalam Bible

Bible menegaskan bahawa Tuhan Bani Israel adalah Tuhan Yang Maha Esa (ISA, 1989). Dia sahajalah yang layak disembah Ajaran Tauhid adalah merupakan salah satu ciri utama ajaran Jesus (Senin, N., Kamal Amat Misra, M., & Ismail, N. 2021). Hakikat ini secara jelas termaktub dalam Bible;

Semua itu ditunjukkan Tuhan kepadamu untuk membuktikan bahawa Tuhan itu hanyalah Allah, dan tidak ada Tuhan yang lain. (PL, Deutronomy 4:35)

Ayat dalam Bible ini adalah sama dengan kalimah syahadah yang diucapkan di dalam agama Islam, ﷺ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ bermaksud Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah swt. Konsep yang menegaskan Keesaan Tuhan. Jelaslah bahawa Bible mengajar manusia untuk mengesakan Tuhan.

Sebab itu sedarilah hari ini dan jangan lupa: Tuhan satu-satunya Allah di langit dan di bumi; tak ada Tuhan selain Dia. Taatilah semua hukum yang Aku berikan kepadamu hari ini. (PL, Deutronomy 4:39-40)

Ayat ini secara jelas menyatakan Tuhan di langit dan di bumi ialah Tuhan yang Maha Esa, tiada Tuhan selain Dia. Ayat ini juga memerintahkan Bani Israel agar taat kepada peraturan dan hukum hakam yang telah Tuhan berikan kepada para rasul Bani Israel.

Wahai Bani Israel, ingatlah! Hanya Tuhan dan Tuhan saja Allah kita! Cintailah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu: Tunjukkanlah itu dalam cara hidupmu dan dalam perbuatanmu. (PL, Deutronomy 6:4-5)

Kesemua ayat daripada PL ini menjelaskan bahawa Tuhan Maha Esa. Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Dia. Menurut Omosor (2020), Bani Israel telah diperintahkan oleh para rasul mereka untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa. Bahkan keseluruhan ayat-ayat dalam PL semuanya mengajar konsep Tauhid iaitu menyembah Tuhan Yang Maha Esa.

### Jesus Mengajak Menyembah Tuhan Yang Esa

Ajaran yang paling penting yang dibawa oleh Jesus ialah mengajak Bani Israel menyembah Tuhan Yang Maha Esa (Ibn Hazm, (t.t.). Jesus sendiri menyembah Tuhan yang Maha Esa selari dengan konsep ketuhanan dalam agama Yahudi (Young, 1996). Ayat-ayat yang dibincangkan sebelum ini kesemuanya adalah merupakan daripada PL. Jesus menjadi contoh yang terbaik dalam melaksanakan ajaran Taurat dan kitab para nabi Bani Israel sebelumnya (al-Bāqillānī, 1987). Ajaran yang dibawa oleh Jesus, sistem syariat yang dilaksanakannya, bahkan tentang konsep ketuhanan yang diimaninya (Zeitlin, 1990), adalah selari dengan ajaran PL dan bertepatan dengan ajaran agama Yahudi (Küng, 1992). Ini kerana perutusan beliau kepada Bani

Israel adalah untuk melaksanakan ajaran Taurat dan kita-kitab para nabi Bani Israel yang telah diutuskan sebelumnya (Hick, 1993), di samping Tuhan memberikan kepadanya kitab Injil. Konsep Tauhid juga amat jelas diterangkan dalam Injil. Ketika orang ramai bertanya kepada Jesus;

ἀπεκρίθη ὁ Ἰησοῦς ὅτι Πρώτη ἐστίν Ἀκουε, Ἰσραὴλ, Κύριος ὁ Θεὸς ἡμῶν Κύριος εἰς ἐστιν. καὶ ἀγαπήσεις Κύριον τὸν Θεόν σου ἐξ ὅλης τῆς καρδίας σου καὶ ἐξ ὅλης τῆς ψυχῆς σου καὶ ἐξ ὅλης τῆς διανοίας σου καὶ ἐξ ὅλης τῆς ἵσχύος σου. (PB, Mark 12:28-30) (Walaupun Injil diturunkan kepada Jesus dalam bahasa Aramia, tetapi Injil ditulis kali pertama dalam bahasa Greek. Lantaran itulah penulis juga merujuk kepada PB yang ditulis dalam bahasa Greek untuk melakukan perbandingan).

Maka dia bertanya kepada Jesus, “Perintah manakah yang paling penting dari semua perintah?” Jesus menjawab, “Perintah yang paling penting ialah: ‘Dengarlah, wahai Bani Israel! Tuhan adalah Allah kita, Tuhan itu Esa. Cintailah Tuhan Allah-mu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan seluruh akalmu dan dengan segala kekuatanmu.’”

Ayat ὁ Θεὸς ἡμῶν Κύριος εἰς ἐστιν bermaksud Tuhan kita adalah Tuhan yang Esa. Perkataan ἐστιν mewakili tunggal (*singular*). Bererti Tuhan Maha Esa. Sekiranya Tuhan bukan Esa, maka perkataan ἐστιν tidak digunakan kerana ia mewakili tunggal, sebaliknya perkataan ἔστιν bermaksud *are* yang mewakili banyak (*plural*) akan digunakan. Menurut ISA (1989), ayat ini menjelaskan bahawa Tuhan kepada Bani Israel adalah Tuhan yang Esa. Ini merupakan asas akidah yang diajarkan oleh PL iaitu konsep Tauhid.

*αὕτη δέ ἐστιν ἡ αἱώνιος ζωὴ ἵνα γινώσκωσι σὲ τὸν μόνον ἀληθινὸν θεὸν καὶ ὁν ἀπέστειλας Ἰησοῦν Χριστόν.* (PB, John 17:3)

Kehidupan sejati dan kekal ialah dengan mengenali-Mu, satu-satunya Allah yang benar, dan mengenal Jesus Christ yang diutus oleh Bapa.

Ayat σὲ τὸν μόνον ἀληθινὸν θεὸν bermakasud “Kamu satu-satunya Tuhan yang benar”, merujuk kepada *the Father*. Ini bermaksud *the Father* adalah satu-satunya Tuhan yang benar yang menjadi sembahannya Bani Israel. Al-Quran juga menegaskan bahawa Jesus menyembah Allah swt;

إِنَّ اللَّهَ هُوَ رَبُّكُمْ وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

Terjemahannya: (Berkata Jesus) Sesungguhnya Allah, Dialah Tuhanku dan Tuhan kamu. Maka sembahlah Dia, ini adalah jalan yang lurus. (Surah az-Zukhruf 43:63-65)

Ayat ini sama dengan apa yang telah Jesus nyatakan dalam Bible;

“Aku akan naik kepada Bapaku dan Bapamu, Tuhanmu dan Tuhanmu”. (PB, John 20:17).

Ayat ini menegaskan Jesus mengajak Bani Israel agar menyembah Tuhan Yang Esa. Tiada sekutu bagi-Nya, dan Jesus tidak mempunyai sifat ketuhanan (Yusuf Ali, 1983), yang wajib disembah sebagai Tuhan (as-Şābūnī, 2001).

### **Konsep Tauhid Dalam Al-Quran**

Konsep Tauhid merupakan asas utama dalam ajaran Islam dan secara jelas konsep termaktub di dalam al-Quran (Osman, 1997). Tuhan yang Maha Esa tidak mempunyai anak dan tidak diperanakkan;

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، اللَّهُ الصَّمَدُ، لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ

Terjemahannya: Katakanlah, “Dialah Allah, Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tidak melahirkan dan tidak pula dilahirkan; tidak pula ada seorang pun yang setara dengan-Nya”. (Surah al-Ikhlas 112:1-4)

Surah ini menegaskan Keesaan Allah swt, Dia Yang Maha Berkuasa tempat bergantung segala sesuatu. Tuhan yang tidak memiliki anak, tidak mempunyai bapa dan tidak mempunyai isteri sebagai teman hidup (Ibn Kathir, 1985). Bahkan tidak ada sesuatu pun yang menyerupai-Nya (as-Şābūnī, 2001). Menurut Qutub (1983), surah ini secara keseluruhannya membicarakan tentang akidah tauhid dan menolak akidah syirik. Allah swt Yang Maha Berkuasa Maha Tinggi daripada segala sesuatu. Hanya Dialah yang dituju bagi memenuhi segala hajat dan keperluan.

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Terjemahannya: Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. (Surah al-Baqarah 2:163)

Tidak ada Tuhan lain yang berhak disembah selain Dia (as-Şābūnī, 2001). Allah swt menegaskan bahawa diri-Nya adalah Tuhan Yang Maha Esa, dan tidak ada sekutu bagi-Nya, tiada yang sama dengan-Nya, yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu (Ibn Kathir, 1985). Kesemuanya ini menegaskan akidah tauhid yang terdapat dalam al-Quran.

## JESUS SEORANG NABI DAN RASUL

### Kenyataan Bible Jesus Seorang Nabi

Bible menjelaskan, orang ramai yang menyaksikan mukjizat Jesus mengakui bahawa Jesus adalah seorang Rasul;

οἱ δὲ εἶπαν αὐτῷ Τὰ περὶ Ἰησοῦ τοῦ Ναζαρηνοῦ, ὃς ἐγένετο ὀνήρ προφήτης δυνατὸς ἐν ἔργῳ καὶ λόγῳ ἐναντίον τοῦ Θεοῦ καὶ παντὸς τοῦ λαοῦ. (PB, Luke 24:19)

Terjemahannya; Kata-Nya kepada mereka: “Apakah itu?” Jawab mereka: “Apa yang terjadi dengan Jesus orang Nazaret. Dia adalah seorang nabi, yang berkuasa dalam pekerjaan dan perkataan di hadapan Allah dan di hadapan seluruh bangsa kami”.

ὅς ἐγένετο ὀνήρ προφήτης (adalah seorang manusia dan seorang nabi), menegaskan bahawa Jesus adalah seorang nabi. Pengikut Jesus juga percaya bahawa Jesus sebagai seorang nabi dan Messiah yang akan membebaskan Bani Israel dari tekanan hidup untuk mencapai kegemilangan hidup mereka yang telah mereka nantikan selama ini (PL, Luke 24:21). Dalam ayat yang lain Bible menegaskan;

Ἐκ τοῦ ὄχλου οὖν ἀκούσαντες τῶν λόγων τούτων ἔλεγον Οὗτός ἐστιν ἀληθῶς ὁ προφήτης· ἄλλοι ἔλεγον Οὗτός ἐστιν ὁ Χριστός· (PB, John 7:40-41)

Ramai orang mendengar apa yang dikatakan oleh Jesus, dan sebahagian mereka ada yang berkata, “Orang ini benar-benar seorang Nabi!” Yang lain berkata, “dia adalah Messiah!”

Ayat *Oὗτός ἐστιν ἀληθῶς ὁ προφήτης* bermaksud; Orang ini benar-benar seorang nabi. Dalam ayat ini, perkataan *ὁ προφήτης* (seorang nabi) digunakan. Ia bermaksud bahawa Jesus adalah seorang nabi. Bahkan penegasan perkataan benar-benar (*ἀληθῶς*), digunakan, ia menunjukkan bahawa Jesus sememangnya benar-benar seorang nabi. Bahkan ketika Jesus masuk ke Jurusalem, orang ramai juga mengakui beliau adalah seorang nabi (Zaifuddin, 2023b). Terdapat banyak ayat-ayat dalam Bible yang menegaskan bahawa Jesus hanya seorang nabi, rasul atau utusan Allah (lihat PB, Lukas 24:19, Markus 6:4, Matius 15 : 24 dan John 17:3).

“Aku diutus hanya kepada domba-domba yang hilang dari umat Israel”. (PB, Matius 15:24)

Menurut Zeitlin (1990), sangat jelas dengan dalil daripada Bible bahawa Jesus bukan sahaja seorang rasul, bahkan beliau begitu konsisten menegaskan bahawa dakwahnya hanya untuk Bani Israel sahaja. Beliau tidak pernah mengembangkan ajarannya melainkan di kalangan Bani Israel sahaja (al-Ghazālī, 2014).

## Kenyataan al-Quran Jesus Seorang Rasul

Agama Islam merupakan satu-satunya agama di dunia ini, selain agama Kristian, yang menghormati dan memuliakan Jesus (Fattah, 2000). Bahkan kepercayaan kepada Jesus merupakan salah satu rukun iman, maka tidak diterima keimanan seseorang itu sekiranya menolak Jesus sebagai salah seorang rasul Allah swt. Al-Quran juga menegaskan melalui lisan Jesus sendiri bahawa baginda adalah diutuskan hanya kepada Bani Israel;

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ

Terjemahannya: Dan (ingatlah) ketika Isa ibn Maryam (Jesus) berkata: “Wahai Bani Israel, sesungguhnya aku adalah rasul yang Allah utuskan kepadamu”. (Surah As-Saf 61:6)

Ayat ini mengaskan bahawa Jesus hanya diutuskan kepada Bani Israel sahaja dan tidak kepada bangsa yang lain (Parrinder, 1965). Bahkan, menurut Winter ed. (1974), secara praktikalnya pula, Jesus hanya menyampaikan dakwahnya kepada Bani Israel sahaja dan Jesus tidak pernah menyampaikan dakwahnya kepada bangsa yang lain selain kepada Bani Israel (Zeitlin, 1990).

## JESUS SEORANG HAMBA

### Kehambaan Jesus Dalam Bible

Kedudukan Jesus hanyalah seorang hamba Tuhan amat jelas melalui pengakuan Jesus sendiri dalam Bible. Bahkan Jesus sebagai seorang hamba, kedudukannya tidak akan dapat menyamai, apatah lagi melebihi, kedudukan Tuannya;

Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya seorang hamba tidaklah lebih tinggi daripada Tuannya ataupun seorang utusan dari pada Dia yang mengutusnya. (PB John 13:16)

Lihatlah, itu Hamba-Ku yang Kupilih, yang Kukasihi, yang kepada-Nya jiwa-Ku berkenan; Aku akan menaruh roh-Ku ke atas-Nya, dan dia akan memaklumkan hukum kepada bangsa-bangsa. (PB, Matius 12:18)

Kedua-dua ayat ini sangat jelas menyatakan kedudukan Jesus hanyalah sebagai seorang hamba Tuhan. Menurut Calconer (1904), sebagai nabi dan hamba, tugas Jesus adalah untuk menyampaikan hukuman kepada bangsa-bangsa, menetapkan keadilan di bumi, dan menyampaikan undang-undang Tuhan. Dengan ini Jesus sendiri menafikan sifat ketuhanannya dan mengakui bahawa dirinya hanyalah seorang hamba Tuhan.

## Kehambaan Jesus Dalam Al-Quran

Kedudukan Jesus sebagai hamba Allah swt secara jelas dinyatakan dalam al-Quran;

إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَا مَثَلًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ

Terjemahannya: Sesungguhnya dia (Jesus) tidak lain hanyalah seorang hamba yang Kami berikan kepadanya nikmat (kenabian) dan Kami jadikan dia sebagai tanda bukti (kekuasaan Allah) untuk Bani Israel. (Surah Az-Zukhruf 43:59)

Ayat ini menjelaskan bahawa Jesus merupakan seorang hamba Allah swt. Allah swt berikannya nikmat kenabian untuk menjadi pemimpin kepada Bani Israel (as-Sayuti & al Mahalli t.t.). Firman-Nya;

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ أَتَانِي الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا

Terjemahannya: Berkata (Jesus): Sesungguhnya aku ini hamba Allah, Dia memberiku Al-Kitab (Injil) dan Dia menjadikan aku seorang nabi. (Surah Maryam 19:30)

Ayat ini juga secara jelas pengakuan Jesus sendiri bahawa baginda adalah seorang hamba Allah yang diutus sebagai Rasul dengan membawa kitab Injil (Ibn Kathir, 1985). Kesemua fakta daripada Bible dan al-Quran sangat jelas persamaannya menyatakan bahawa Jesus adalah merupakan seorang hamba Allah swt. Bahkan dalil ini juga menegaskan bahawa Jesus sebagai hamba dan utusan-Nya sentiasa berada kedudukan yang lebih rendah daripada Tuannya sebagai Tuhan yang mengutuskannya.

## JESUS MENGAMALKAN AJARAN KITAB-KITAB WAHYU SEBELUMNYA

### Kenyataan Bible: Jesus dan Ajaran Kitab Sebelumnya

Sebelum kedatangan Jesus, Tuhan telah mengutuskan ramai rasul di kalangan Bani Israel. Para rasul ini juga telah menerima kitab-kitab wahyu daripada Tuhan. Jesus mengamalkan ajaran Taurat dan kitab para nabi sebelumnya (Zaifuddin 2023a). Malahan, Jesus menegaskan bahawa kedatangannya bukan untuk membatalkan ajaran kitab-kitab para rasul sebelumnya.

17 "Janganlah kamu menganggap bahawa Aku datang untuk memansuhkan hukum Taurat dan ajaran nabi-nabi. Aku datang bukan untuk memansuhkannya, tetapi untuk melaksanakan ajarannya. 18 Ingatlah! Selama langit dan bumi masih ada, tidak ada satu huruf atau satu titik pun di dalam hukum itu akan dimansuhkan sehinggalah semua alam ini binasa! 19 Oleh kerana itu, barang siapa melanggar salah satu daripada perintah-perintah itu, sekalipun yang terkecil dan mengajar orang lain berbuat begitu juga, akan dia menjadi yang paling kecil di kalangan umat Tuhan. Sebaliknya, barang siapa melaksanakan

perintah-perintah itu dan mengajar orang lain berbuat begitu juga, akan menjadi besar di kalangan umat Tuhan. (PB, Matthew 5:17-19)

Dalam ayat yang lain dijelaskan;

Tetapi lebih mudah untuk langit dan bumi lenyap, daripada satu huruf dalam Hukum Allah untuk dimansuhkan. (PB, Luke 16:17)

Menurut Bultmann (1915), ajaran yang dibawa oleh Jesus sama ada tentang konsep ketuhanan, perlaksanaan syariat, konsep kehidupan dunia dan akhirat adalah di dalam kerangka ajaran PL yang dibawa oleh para rasul yang telah diutuskan sebelumnya. Apa yang dibawanya bukanlah satu ajaran yang baharu melainkan sebagai pembaharuan kepada ajaran sebelumnya dan yang masih tetap berada di dalam kerangka ajaran PL (Sandmel, 1978).

### **Kenyataan Al-Quran: Jesus dan Ajaran Kitab Sebelumnya**

Al-Quran sangat jelas menyatakan bahawa Jesus merupakan salah seorang rasul di kalangan Bani Israel. Kedatangannya membawa kitab yang baharu iaitu Injil, di samping itu mengajak Bani Israel untuk melaksanakan ajaran kitab-kitab para rasul sebelumnya.

وَإِذْ قَالَ عَيْسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ الْتَّوْرَةِ

Terjemahannya: Dan (ingatlah) ketika Isa ibn Maryam (Jesus) berkata: “Wahai Bani Israel, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu, membenarkan kitab sebelumku, iaitu Taurat. (Surah ss-Saff 61:6)

وَيُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالْتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ

Terjemahannya: Dan Allah mengajarnya (Jesus) Al-Kitab, Al-Hikmah, At-Taurat dan Al-Injil. (Surah Ali Imran 3: 48)

Kedua-dua ayat al-Quran ini menegaskan Jesus datang untuk melaksanakan ajaran kitab para nabi sebelumnya di samping Allah wahyukan kepadanya kitab Injil.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini mendapat terdapat banyak persamaan antara ajaran Jesus yang terdapat Bible dengan ajaran al-Quran. Antara persamaan ini ialah tentang pengharaman babi, pengharaman arak, pengharaman bangkai, kewajipan berkhatan, perintah sujud ketika solat, beriman kepada akidah tauhid, keyakinan bahawa Jesus seorang rasul yang hanya diutus kepada Bani Israel, keyakinan bahawa Jesus hanyalah seorang hamba Allah. Jesus menyeru kaumnya untuk mengamalkan ajaran kitab-kitab sebelumnya di samping baginda membawa kitab yang baharu iaitu Injil. Persamaan yang wujud ini bukan bererti bahawa al-Quran telah menciplak maklumat yang terdapat dalam Bible, sebaliknya, seperti yang diakui oleh Raja Najashi, persamaan ini wujud

lantaran kedua-dua ajaran ini datangnya dari sumber yang sama iaitu Tuhan Yang Maha Esa. Persamaan yang wujud ini juga mengukuhkan lagi kenyataan bahawa Jesus merupakan salah seorang rasul yang telah diutuskan oleh Allah ke muka bumi ini untuk mengajak Bani Israel kembali menyembah Allah yang Maha Esa dan berpegang teguh kepada syariat yang telah turunkan untuk Bani Israel. Dialah Allah yang telah mengutuskan Jesus, Dialah juga Allah yang telah mengutuskan nabi Muhammad sebagai rasul terakhir dengan diturunkan kepada kitab wahyu iaitu al-Quran.

## RUJUKAN

- Anwar M.S., Munawar F. & Qashif A. (2010). Circumcision: a religious obligation or 'the cruellest of cuts'? *Br J Gen Pract.* 60(570) : 59-61.
- Al-Bāqillānī, Abū Bakr. (1987). *Tamhīd al-Awā'l wa Talkhīṣ al-Dalā'il*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Bintoro, V.P. et. al. (2006). Perbandingan daging ayam segar dan daging ayam bangkai dengan memakai uji fisikokimia dan mikrobiologi. *J. Indon.Trop. Anim. Agric.* 31(4), 259-267.
- Barton, J. (1997). *How the Bible Came to Be*. Westminster: John Knox Press.
- Bultmann, R. (1946). *Jesus Christ and Mythology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bultmann, R. (1915). *Theology of the New Testament*. New York: Charles Scribner's Sons.
- Calconer F.A. (1904). Jesus as the prophetic servant of the Lord. (Matthew 12:18-21.). *The American Journal of Theology*, 24(1) : 22-25.
- Congdon, D.W. (2017). Demystifying the program of demythologizing: Rudolf Bultmann's theological hermeneutics. *Havard Theological Review*. 110(1) : 1–23.
- Fattah, Irfan Abdul Hamid. (2000). *Al-Nasrānīyah Nash'atuhā Al-Tārikhkīyah wa Usūl Aqāidiha*. Jordan: Dār Ammār.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd. (2014). *Al-Radd al-Jamīl li-Ilāhiyyat ‘Īsā bi-Şariḥ al-Injīl*. Istanbul: Maktabah al-Haqīqah.
- Gologram M., Margolin R., & Christine ML. (2022). Need for increased awareness of international male circumcision variations and associated complications: a contemporary review. *Caurerus*. 14(14), 1-7.
- Hick, J. (1993). *The Metaphor of God Incarnate*. London: SCM Press.
- Ibn Ḥazm. (t.t). *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Nihāl*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Ibn Kathir, Ismail. (1985). *Tafsir al-Qurān al-Adzīm*. Berut: Dār Ihya al-Tutarāth al-Arabī.
- Ibn Taymiyyah. (1999). *Al-Jawāb al-Şāhīh li-man Baddala Dīn al-Masīh*. Riyād: Dār 'Asimah.
- International Student Association (ISA). (1989). *Should You Believe in the Trinity*. New York: Watch Tower Bible and Tract Society of New York.
- Kawengian, O.B. (2023), “Berkuku belah dan memamah biak” satu kajian historis-gramatika tentang daging hewan yang diharamkan dalam Imamat 11:1-8, *DAAT: Jurnal Teologi Kristen*. 4(1) : 84-102.
- Khin, M. & Bugha, M. (1996). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab as-Shāfi‘e*. Damsyik: Dār Al-Qalām.
- Küng, H. (1992). *Judaism Between Yesterday and Tomorrow*. New York: Crossroad Publishing Company.

- Lacob, S.I. (2022). Systematic review of complications arising from male circumcision. *BJUI Compass*. 3(2), 99–123.
- Moskala, J. (2011). The validity of the levitical food laws of clean and unclean animals: a case study of Biblical hermeneutics. *Journal of the Adventist Theological Society*. 22(2) : 3-31.
- Al-Mubarākfrūi, Safiurahmān. (1994). *Al-Rahīq al-Makhtūm*. Riyadh: Maktabah Dār as-Salām.
- Omosor, F.O. (2020). Biblical redaction and the emergence of absolute monotheism: implications for religious dialogue and socio-political stability, *KIU Journal of Humanities*. 5(1) : 129-139.
- Osman, F. (1997). *Concepts of The Quran*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Parrinder, G. (1965). *Jesus in the Qur'an*. London: Sheldon Press.
- Philips, J.B. (1957). *The Gospels Translated into Modern English*. London: Geoffery Bles.
- Pintye, J. & Baeten, J.M. (2019). Benefit of male circumcision for MSM: evidence for action. *The Lancet Global Health*. 7(4), 388-389.
- Al-Qardāwi, Yusuf. (1980). *Halal Haram Dalam Islam*. Singapura: Himpunan Belia Islam.
- Al-Qattān, Mana. (1995). *Mabāhith fī Ulūm al-Qurān*. Kaherah: Maktabah Wahabah.
- Qutb, Sayyed. (1983). *Fī Zilāl al-Qurān*. Beirut: Dār Al-Syūrūk.
- Rennie S. Muula A.S., Westreich D. (2007). Male circumcision and HIV prevention: ethical, medical and public health tradeoffs in low-income countries. *J Med Ethics*. 33(6) :357-361.
- Ruane, N. (2015). Pigs, Purity and Paternity: The multiparity of swine and its problems for Biblical ritual and gender construction. *Journal of Biblical Literature*. 134(3) : 489-504.
- Sālih, S. (1967). *Mabāhith fī Ulūm Al-Qurān*. Beirut: Dār Al-Ilmi lil Malāyin.
- As-Şābūnī, M.A. (t.t.). *Rawā'i' Al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Ahkām Min Al-Qurān*. Damsyik: Maktab Al-Ghazali.
- As-Şābūnī, M.A. (2001). *At-Tafsīr al-Wādīh Al-Muyassar*. Beirut: Al-Maktab Al-'Aridah.
- Sandmel. (1978). *Judaism and Christianity Begining*. New York: Oxford University Press.
- Saranya A/P Ganesan. (2024). Kajian undang-undang yang berkaitan dengan minyman keras di Malaysia : Konflik antara hak individu dengan kepentingan awam, Kanun: *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(2) : 279-306.
- As-Sayūti, Jalaluddin. (1343H). *Al-Itqān fi Ulūm Al-Qurān*. Bidar: Mansyurat al-Redha.
- As-Sayūti, Jalaluddin & al-Mahalli, Jalaluddin. (t.t.). *Tafsīr Al-Jalālain*. Berut: Dar Al-Maarif.
- Schleiermacher F. (1998). *Hermeneutics and Criticism*. terj. dan ed. Andrew Bowi. Cambridge: Cambridge University Press.
- Senin, N., Kamal Amat Misra, M., & Ismail, N. (2021). Monoteisme dalam wacana agama: Analisis menurut perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Islam*. 14(1) : 102–117.
- As-Son'āni, Muhammad Ibn Isma'īl Ali. (t.t.). *Subul as-Salām Sharh Bulurgh al-Marām*. Makah Al-Mukarramah: Al-Maktabah at-Tijāriah.
- Sumbayak, E.F., Venny, S. G. & Tasingkem, T. (2022). Ratapan dan cinta Tuhan berdasarkan Mistisisme Mechthild dari Magdeburg dan Matius 26:36-44. *Jurnal TeologiBerita Hidup*. 4(2) : 419-432.<sup>[1]</sup>
- As-Syāmi, Sālih Ahmad. (1984). *Min Ma'īn as-Sīrah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi.
- Tanner, O.C. et. al. (1990). *Two words Understanding the New Testament*. U.S.A.: Signature Books Salt Lake City.

- Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. (2023). Makanan haram bagi Agama Yahudi berdasarkan Kitab Torah, *Sains Insani*, 8(1) : 71-80.
- Warne, G.J. (1995). *Hebrew Perspectives on the Human Person in the Hellenistic Era*. New York; The Edwin Mellen Press.
- Wilson, I. (1984). *Jesus The Evidence*. San Fransisco: Harper & Row.
- Winter, D. ed. (1975). *Henry's Commentary on the New Testament*. London; Hodder and Stoughton Ltd.
- Young, B.H. (1996). *Jesus and Jewish Theologian*. U.S.A.: Hendrickson Publisher.
- Yusuf Ali, A. (1983) *The Holy Quran: Translation and Commentary*. Maryland: Amana Corp.
- Zaifuddin Md Rasip. (2022). *Membongkar Mukjizat Saintifik Al-Quran*. Selangor: Pustaka Salam.
- Zaifuddin Md Rasip. (2023a). Kajian sejarah dan analisis tekstual terhadap transformasi awal pemikiran dalam agama Kristian, *Al-Hikmah*. 15(2) : 72-94.
- Zaifuddin Md Rasip. (2023b), The term son of God as a proof of Jesus' humanity: a biblical analysis. *International Journal of 'Umrānic Studies*. 6(2) : 73-85.<sup>[1]</sup>
- Zeitlin, I.M. (1990). *Jesus and the Judaism of His Time*. Cambridge: Polity Press.
- Az-Zuhaili, W. (1989). *Al-Fiqh Al-Islāmi Wa Adilatuhu*. Damsyik: Dar Al-Fikr.